

SULIT

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2025

**Bahasa Melayu
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan**

1103/2 (PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 15 halaman bercetak

MARKAH PENUH : 100 MARKAH**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada**Soalan 1: **8** markahSoalan 2: **6** markahSoalan 3: **11** markahSoalan 4: **4** markahSoalan 5: **6** markah**Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata kerja berimbuhan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kerja berimbuhan apitan tersebut.
3. Jika calon menyenaraikan lebih daripada 4 kata kerja berimbuhan apitan, semak setakat 4 kata kerja berimbuhan yang pertama sahaja.
4. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
5. Sekiranya beberapa kata kerja berimbuhan apitan telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
6. Kata kerja berimbuhan apitan salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
7. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
8. Kata kerja berimbuhan apitan digunakan sebagai kata ganda, kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 - Morfologi**Kata kerja berimbuhan apitan****(i) merupakan;**

- membentuk, membuat, menjadikan supaya mempunyai rupa, memberi rupa
- melahirkan, menggambarkan, mewujudkan
- menjadi, membentuk
- melambangkan, melukiskan, menggambarkan

[Lihat halaman sebelah**SULIT**

- (ii) **melakukan;**
- menjalankan sesuatu tugas; mengadakan (sesuatu perbuatan, tindakan).
 - menjadikan laku; melariskan jualan.
 - membuat laku atau perangai (sbg); berperangai; bertabiat.
- (iii) **menaiki;**
- bergerak ke atas
 - bergerak ke tempat yang lebih tinggi, mendaki, memanjat, masuk ke rumah
 - mengendarai, masuk ke kenderaan
 - bertambah tinggi (mahal, besar, banyak) daripada yang mula, bertambah, meningkat
 - tumbuh menjadi besar (tinggi)
 - menjadi, berubah menjadi
 - kembang atau mengembang
- (iv) **menawarkan;**
- tidak berasa apa-apa (makanan, minuman) hambar, tidak cukup rasa masinnya atau rasa manisnya
 - tidak mujarab, tidak mustajab, hilang kekuatannya
 - **mengunjukkan, mengemukakan sesuatu supaya dibeli, dipakai, diterima,**
 - **menyatakan kesediaan memberikan sesuatu seperti pertolongan, khidmat**
- (v) **menikmati;**
- **mengecap, merasai, mengalami nikmat**
 - **mengalami, merasai**
- (vi) **berhampiran**
- berdekatan
 - tidak berapa jauh

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis**Perhatian bagi Soalan 2 : Sintaksis**

1. Berikan 1 markah bagi setiap frasa yang betul.
2. Menambah perkataan lain atau mengurangkan perkataan yang sedia ada dalam ayat berikan 0 markah

Mengenal pasti pola ayat

- | | | | |
|-------|-------------------------|---|---|
| (i) | Frasa Nama | : | Penyakit ini |
| | Frasa Kerja | : | boleh tersebar melalui darah, organ dan cecair badan haiwan yang telah dijangkiti penyakit tersebut |
| (ii) | Frasa Nama | : | tubuh pesakit virus Ebola |
| | Frasa Adjektif | : | akan lemah, lesu dan kekurangan air |
| (iii) | Frasa Nama | : | langkah utama untuk mengelakkan penyakit Ebola menjadi lebih serius |
| | Frasa Sendi Nama | : | adalah dengan pesakit mendapatkan rawatan segera selepas terdedah kepada virus tersebut |

[Maksimum : 6 markah]**Soalan 3 – Penyuntingan****Perhatian bagi Soalan 3 : Penyuntingan**

1. Periksa jawapan calon setakat sebelas kesalahan pertama yang disenaraikan.
2. Berikan 1 markah bagi setiap kesalahan bahasa yang dibetulkan dengan tepat.
3. Berikan 0 markah jika calon tidak menyenaraikan perkataan yang salah.
4. Terima jawapan jika calon membetulkan kesalahan dalam petikan yang ditulis semula.

Bahan 1

- | | | | |
|--------|--------------------|---|------------------------------------|
| (i) | di pilih | - | dipilih (ejaan) |
| (ii) | diberitahu | - | diumumkan (kosa kata) |
| (iii) | menganggap | - | menyangka/ menduga (kosa kata) |
| (iv) | ucapkan | - | mengucapkan (imbuhan) |
| (v) | disertai oleh saya | - | saya sertai (kata ganti nama diri) |
| (vi) | menangi | - | memenangi (imbuhan) |
| (vii) | melayakan | - | melayakkan (imbuhan) |
| (viii) | resepi | - | resipi (ejaan) |
| (ix) | pada | - | kepada (kata sendi) |
| (x) | ibubapa | - | ibu bapa (ejaan) |
| (xi) | di | - | pada (kata sendi) |

[Maksimum : 11 markah]**[Lihat halaman sebelah****SULIT**

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat / Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Tidak lama kemudian Patih Gajah Mada yang berada di Majapahit mendengar **(berita) tentang** kematian Kertala Sari yang telah dibunuh oleh Laksamana. Lalu Patih Gajah Mada mencari jalan/ berusaha sedaya upaya untuk mengalahkan/ menewaskan Melaka dan membunuh Laksamana, **(dia)** sentiasa menyuruh orang-orangnya ke gunung dan setiap bukit untuk mencari orang yang sanggup/ berani membunuh Laksamana dan Ratu Melaka. Begitulah usahanya/ kerjanya.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa
peribahasa yang sama maksud

- (i) carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga
 - air dicencang takkan putus
- (ii) **(ibarat)** sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi
 - habis madu sepah dibuang
- (iii) **(ibarat)** masuk telinga kanan keluar telinga kiri
 - mencurah air ke daun keladi
 - mencurah garam ke laut

[Maksimum : 6 markah]

**[Lihat halaman sebelah
SULIT]**

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi)/ menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi)/ tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi)/ tidak menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi)/ tidak menyentuh semua bahan/ ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 6

Markah

(i) Aktiviti sepanjang karnival

P1	pertandingan kraf tangan yang melibatkan pasukan beruniform sekolah.	1
P2	persembahan pantomin	1
P3	pelbagai jenis tarian tempatan	1

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Kepentingan

Bahan 1

P1	membantu membentuk jati diri yang kukuh dan berkeyakinan	1
P2	mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran di dunia luar.	1

Bahan 2

P3	menonjolkan potensi diri	1
P4	memberikan pendedahan dan pendidikan kepada murid dengan ilmu yang tidak dapat diperoleh secara terus di dalam bilik darjah.	1

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Sebab-sebab

P1	mementingkan akademik/ tuisyen	1
P2	pengaruh rakan	1
P3	tidak mampu menyediakan keperluan aktiviti kokurikulum/ kos tinggi	1
P4	malas/ penat/ kurang minat	1
P5	ketetapan bidang kokurikulum tidak mengikut minat murid	1
P6	keadaan cuaca/ panas/ hujan	1
P7	masalah kesihatan	1
P8	Ibu bapa tidak memberi keizinan/ tidak menggalakkan	

(Sebab lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

P1	memaklumkan/menerangkan/menguar-uar kebaikan/ faedah perkhemahan	1
P2	mencadangkan aktiviti yang menarik kepada urus setia program	1
P3	peluang penyertaan perkhemahan secara percuma/ sponsor	1
P4	mendapatkan sokongan/ memujuk/ meyakinkan ibu bapa	1
P5	menyediakan hadiah/ ganjaran yang menarik	1
P6	merekodkan penyertaan dalam SSDM/ PAJSK	1
P7	promosi/ iklan/ infografik/ laman web sekolah/ media sosial sekolah	1

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 7

Markah

(i) **berasa tidak puas hati**

P1 menggunakan bahasa rojak 1

P2 tidak memartabatkan bahasa Melayu 1

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) **Kepentingan bahasa dalam masyarakat****Bahan 1**

P1 bahasa pertuturan di pelosok dunia 1

P2 cerminan/gambaran sebuah bangsa 1

P3 tanda kemuliaan bangsa 1

Bahan 2

P4 untuk berkomunikasi 1

Bahan 3

P5 bahasa asas pembentukan sahsiah (bahasa bermadah wadah sahsiah) 1

P6 bahasa menyatukan pelbagai bangsa (bahasa wacana pelbagai bangsa) 1

P7 mengelakan perselisihan faham (mendamaikan sengketa) 1

Nota : Jawapan mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iii) **Langkah-langkah**

P1 pihak kerajaan mengadakan kempen kesedaran 1

P2 pihak ibu bapa perlu memantau/ mengawasi/ mengehadkan penggunaan bahasa anak-anak dalam media sosial 1

P3 pihak ibu bapa menggunakan bahasa yang betul / suri teladan / didik 1

P4 pihak media – infografik / iklan / maklumat kesedaran 1

P5 pihak sekolah memastikan murid menguasai tatabahasa/ kosa kata / struktur ayat dengan betul/ ceramah/ bengkel/ kursus 1

[langkah yang lain boleh diterima sekiranya sesuai]

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) **Sebagai rakan, tindakan saya**

P1 menghadaiahkan buku/video/ filem/ pautan tentang bahasa Melayu 1

P2 mencari guru untuk belajar bahasa Melayu dalam talian 1

P3 bertutur/menulis dalam bahasa Melayu ketika berhubung 1

P4 meminta bantuan rakan yang lain untuk membantunya 1

P5 mengajaknya tinggal bersama-sama dalam tempoh masa tertentu 1

P6 mengajarnya/ memberi latihan

[Lihat halaman sebelah

SULIT

[tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai]

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (i)

- (a) Jika calon menyalin keseluruhan petikan tanpa pangkal ayat, berikan 0 markah.
- (b) Jika calon menyalin keseluruhan petikan dengan menulis pangkal ayat, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.
- (c) Jika calon menyalin isi secara terpilih dan tiada pangkal ayat, periksa seperti biasa (rujuk deskripsi pemarkahan)

Soalan 8

(i) Tindakan-tindakan wanita itu setelah ditegur oleh lelaki di belakang Farisha.

P1	Menoleh ke arah lelaki di belakang Farisha	1
P2	Dia mematikan telefon	1
P3	Meneruskan urusan di kaunter	1

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

(ii) Jawapan soalan novel

- (a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian/ contoh yang lengkap/ jelas bagi setiap isi. Huraian calon sama ada secara umum atau ada nama watak juga diperiksa seperti biasa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian/ contoh).
- (f) Markah bahasa diberi secara gambaran menyeluruh:
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.
- (i) Jika calon hanya menulis nama novel dan pengarang sahaja, berikan 0 markah.
- (j) Calon boleh memilih mana-mana 2 buah novel daripada 8 buah novel yang disenaraikan.

[Maksimum: 6 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Peristiwa yang menggambarkan kepentingan hubungan kekeluargaan**DI SEBALIK DINARA karya Dayang Noor**

1. **Peristiwa:** Azraai memasang retinal scanner pada pintu apartmen adik angkatnya, Farisha untuk melindungi keselamatan Farisha setelah berlaku satu kes pembunuhan tidak jauh dari tempat tinggal Farisha.

Huraian: dapat menjaga keselamatan dan kebajikan ahli keluarga.

2. **Peristiwa:** Farisha tidak terburu-buru membuat keputusan terhadap tawaran daripada Aqram mengenai projek di Soft Lab bernilai RM1.5 juta. Farisha berbincang dengan abangnya Azraai sebelum membuat keputusan menerima tawaran tersebut.

Huraian: dapat menjadi panduan ketika membuat keputusan penting dalam kehidupan.

3. **Peristiwa:** Farisha berjumpa dengan Karl untuk kali terakhir di rumah agam milik Karl sebelum Karl menghembuskan nafasnya yang terakhir walaupun Farisha mengetahui bahawa Karl pernah bertindak kejam terhadapnya. Karl telah menanam implan ke dalam tubuh Farisha ketika Farisha masih bayi tanpa sebarang ubat bius.

Huraian: dapat mengajar untuk sentiasa memaafkan dan tidak berdendam dengan ahli keluarga.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

SILIR DAKSINA karya Nizar Parman

1. **Peristiwa:** Abdullah bin Kayan menulis manuskrip untuk anaknya Haiqal yang terpisah daripadanya sejak kecil setelah dia bercerai dengan isterinya sebagai bukti kerinduan dan kasih sayang kepada anaknya.

Huraian: dapat mengingat dan menyayangi ahli keluarga walaupun terpisah.

2. **Peristiwa:** Tauke Ong yang memulakan kehidupan baru bersama-sama isteri dan anak-anaknya di Batu Pahat, Johor setelah semua tanah mendiang bapanya di Ipoh habis digadaikan oleh abangnya yang suka berjudi.

Huraian: dapat memberi kekuatan dan semangat untuk meneruskan kehidupan walaupun berdepan dengan pengkhianatan dalam kalangan ahli keluarga.

3. **Peristiwa:** ibu, ayah tiri serta adik tiri Haiqal hadir di balai raya untuk menyaksikan Haiqal mempersembahkan tarian zapin jincat.

Huraian: dapat menyokong minat dan kecenderungan anak-anak/ ahli keluarga.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

NOTA:

Haikal/ Haiqal/ Aiman

Abdullah Kayan/ Cikgu Amirulnizam/ Cikgu Zam

Ai Ling/ Ong See Hwa

Tauke Lim/ Tauke Ong

Umi/ Rafiqah

Wahid/ Abdul Fatah

[Lihat halaman sebelah

SULIT

BAHAGIAN C: RUMUSAN**[30 markah]**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

(a) Isi - **20** markah

(b) Bahasa - **10** markah

(a) Isi [20markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
- gelaran
- penanda wacana

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bahagian Isi Diterima							Markah Maksimum						
(i) Pendahuluan								2							
(ii) Isi Bahan 1								16							
Fokus 1 (kebaikan/manfaat)									3	3	3	3	2	2	1
Fokus 2 (langkah/usaha/cara)	3	2	1	1	3	2	3								
(iii) Isi Bahan 2									16						
Fokus 1 (kebaikan/ manfaat)								2		1	2	1	1	1	1
Fokus 2 (langkah/ usaha/ cara)								1		1	1	1	1	1	1
(iv) Isi Bahan 3								16							
Fokus 2 (langkah/ usaha/ cara)									2	1	1	2	1	2	2
Jumlah Isi									11	8	8	8	8	8	8
(v) Penutup / Kesimpulan									2						

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Jumlah Markah	20
----------------------	-----------

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	- Kesinambungan ayat sangat baik - Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Pengolahan sangat menarik dan berkesan
Baik	5 - 7 markah	- Kesinambungan ayat baik. - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu - Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat - Pengolahan masih menarik dan berkesan
Sederhana	3 - 4 markah	- Kesinambungan ayat kurang baik - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu - Penggunaan kosa kata kurang luas dan tepat - Pengolahan kurang menarik . dan berkesan
Lemah	1 - 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]**Markah**

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | membincangkan kebaikan-kebaikan/ manfaat-manfaat/ kepentingan/ faedah-faedah penggunaan/ pengintegrasian AI dan langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha menggalakkan pengintegrasian/ penggunaan AI dalam pendidikan/ pengajaran dan pembelajaran. | 2 |
| P2 | membincangkan langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha menggalakkan penggunaan/ pengintegrasian AI dan kebaikan-kebaikan/ manfaat-manfaat/ kepentingan/ faedah-faedah penggunaan/ pengintegrasian AI dalam pendidikan/ pengajaran dan pembelajaran. | 2 |
| P3 | membincangkan kebaikan-kebaikan/ manfaat-manfaat/ kepentingan/ faedah-faedah penggunaan/ pengintegrasian AI dalam pendidikan/ pengajaran dan pembelajaran. | 1 |
| P4 | membincangkan langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha menggalakkan penggunaan/ pengintegrasian AI dalam pendidikan/ pengajaran dan pembelajaran. | 1 |
| P5 | membincangkan kecerdasan buatan (AI). | 0 |

Isi [16 markah]**Fokus 1: kebaikan-kebaikan/manfaat-manfaat/ kepentingan/ faedah-faedah AI dalam pendidikan/ pengajaran dan pembelajaran****Bahan 1**

- | | | |
|----|---|---|
| A1 | memberi peluang kepada guru-guru untuk mencuba pelbagai kaedah pengajaran | 2 |
| A2 | guru boleh menggunakan kemudahan AI untuk mencipta simulasi dan animasi | 2 |
| A3 | meningkatkan keberkesanan pengajaran guru | 2 |

Bahan 2

- | | | |
|----|--|---|
| B1 | Mudah sahaja buat kerja sekolah | 2 |
| B2 | boleh akses di mana-mana sahaja asalkan ada capaian Internet | 2 |

Fokus 2: langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha meluaskan penggunaan aplikasi AI di sekolah**Bahan 1**

- | | | |
|----|--|---|
| C1 | Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh mengadakan kursus penggunaan AI dalam pengajaran | 2 |
| C2 | KPM bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Digital | 2 |
| C3 | KPM turut memperkenalkan platform Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) | 2 |

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Bahan 2

D1 tahu maklumat untuk daftar masuk ke aplikasi DELIMa

2

**Kesim
pulan
[2
mark
ah]**

Bahan 3

E1 peranti digital kerajaan sediakan/ kerajaan sediakan peranti digital/ kerajaan menyediakan peranti digital

2

E2 AI digunakan dalam bidang kokurikulum/ menggunakan AI dalam bidang kokurikulum

2

K1 Kesimpulannya, kecerdasan buatan (AI) perlu diambil perhatian/ diambil berat/ diberi perhatian/ dipopularkan agar kemajuan negara berkembang/ terjamin

2

K2 Kesimpulannya, kecerdasan buatan (AI) perlu diambil perhatian

1

(Kesimpulan lain boleh diterima sekiranya sesuai dengan tema soalan)

Nota:

- (i) Jika calon menulis pendahuluan 3 fokus, berikan 1 atau 0 markah.
- (ii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- (iii) Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- (iv) Kesimpulan hanya merujuk kepada kecerdasan buatan(AI) sahaja.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

*

